

**NFC Tak Perlu Takut Kalau Tak Bersalah - Syed Ali
Bernama
26 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Pihak Perbadanan Fidlot Nasional (NFC) tidak perlu takut dengan siasatan polis sekiranya tidak bersalah, kata Ketua UMNO Bahagian Cheras Datuk Syed Ali Alhabshee.

Beliau percaya bahawa polis telus dalam menjalankan siasatan berhubung dakwaan berlakunya penyelewengan dalam NFC.

"Serahkan kepada polis dan Peguam Negara (untuk) dakwa mereka yang terbabit. Kalau tak bersalah, pihak NFC tak perlu takut," katanya dalam blog Umno Cheras di sini.

Pada Sabtu, polis mencadangkan agar Peguam Negara mendakwa Pengerusi Eksekutif NFC Datuk Dr Mohamed Salleh Ismail atas pertuduhan pecah amanah.

Syed Ali berkata kesungguhan polis menjalankan siasatan berhubung isu kontroversi itu juga membuktikan tiada keistimewaan dalam mana-mana kes walaupun ia melibatkan individu berpengaruh.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648137>